

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

28. Projek Pelancongan Bukit Tambun telah dilancarkan oleh Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Tambun pada 2015.
- (a) Adakah projek ini mendapat peruntukan Kerajaan Negeri?
  - (b) Adakah projek ini berpotensi untuk dimajukan dan dimasukkan dalam kalendar pelancongan?
  - (c) Terdapatkah bangunan lama yang boleh digazetkan sebagai bangunan warisan?

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. (a) Projek Pelancongan Bukit Tambun yang bermula pada tahun 2015 adalah diusahakan oleh Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Bukit Tambun. Pada masa itu, peruntukan YB. ADUN Bukit Tambun telah digunakan bagi tujuan membeli cat dan lain-lain keperluan yang berkaitan bagi kerja-kerja melukis mural di dinding bangunan lama. Selain itu, pihak JKKK Bukit Tambun juga telah mendapatkan sumbangan daripada penduduk bagi melaksanakan projek berkenaan.

- (b) Projek ini berpotensi untuk dimajukan dengan menambah lebih banyak tarikan, contohnya seperti pusat pendaratan hasil laut. Program-program yang dimasukkan dalam kalendar pelancongan merupakan program yang dianjurkan secara tahunan di mana tarikh program telah ditetapkan pada tahun sebelumnya. Sekiranya terdapat program pelancongan yang berkaitan, ia boleh dimasukkan dalam kalendar pelancongan. Bagi promosi kepada tempat tarikan pelancong, ia adalah lebih sesuai untuk dimasukkan dalam risalah pelancongan Seberang Perai dan disenaraikan sebagai destinasi pelancongan yang perlu dilawati.
  
- (c) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengenal pasti sejumlah 49 unit bangunan lama di Bukit Tambun yang boleh digazetkan sebagai bangunan warisan iaitu di lokasi Kampung Ah Chui, Jalan Bukit Tambun, Ban Liao dan Perkuburan Cina Bukit Tambun.